

# Sikap tak kisah kikis identiti bangsa

Bahasa lambang keperibadian, ketinggian budaya negara



**SUSAH...**pelajar pasti kerugian andai kata tidak mampu menguasai bahasa Melayu standard kerana akan menyebabkan markah peperiksaan terjejas. - Gambar hiasan

## >>Oleh Ruhaiza Rusmin

ruhaizarusmin@hmetro.com.my

**B**IARPUN dianggap bahasa picisan namun dominasi bahasa rojak dalam kehidupan masyarakat moden masa kini cukup ketara.

Penggunaan yang semakin meluas terutama di kalangan generasi muda juga dikhuatiri bakal mengikis nilai identiti bangsa tanpa disedari.

Berilah pelbagai alasan, isu bahasa rojak seharusnya ditangani segera bagi mengelakkannya terus melarat apatah lagi sikap masyarakat yang lebih mementingkan konsep mudah dan praktikal boleh mengancam kewibawaan bahasa standard.

Persoalannya, mengapa bahasa rojak sangat digemari? Apakah kelebihannya?


Ketua Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr Adi Yasran Abdul Aziz, berkata, penggunaan bahasa rojak yang 'sempoi', 'santai' namun bergaya adalah faktor ia menjadi pilihan.

Menurutnya, konsep kehidupan masyarakat terutama generasi muda hari ini yang 'malas' untuk berfikir *juga menjaga standard* menjadikan mereka lebih selesa dengan penggunaan bahasa itu

"Masyarakat hari ini lebih mementingkan penampilan, bukan saja gaya tapi bahasa juga perlu sofistikated dan mengikut perkembangan semasa.

"Bahasa rojak tidak memerlukan unsur peraturan, justeru mudah diterima ramai menjadikan masyarakat sangat selesa menggunakannya," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata, biarpun mudah namun masih tetap



mencemarkan identiti bahasa dan budaya sekali gus menghakis jati diri bangsa.

Menurutnya, setiap bangsa di dunia dihakimi melalui peradaban bahasa dan sosial, justeru penggunaan bahasa rojak yang berleluasa dikhuatiri boleh menjejaskan usaha memartabatkan keunikan identiti sesuatu bangsa.

"Bahasa adalah imej yang melambangkan keperibadian dan ketinggian budaya bangsa, justeru biarlah bahasa digunakan bersesuaian.

"Ramai menganggap isu ini picisan namun kesedaran untuk menggunakan bahasa standard perlu ada. Jika tidak ia akan mengikis penggunaan bahasa sedia secara perlahan-lahan.


"Sekali gus membunuh nilai identiti bangsa hingga mencatitkan perjalanan bahasa untuk generasi akan datang pula," katanya.

Pusat Rujukan Bahasa Melayu Dewan Bahasa Pustaka mentakrifkan bahasa rojak sebagai bahasa yang bercampur aduk kata-kata yang digunakan penuturnya.

Dengan kata lain, percampuran penggunaan bahasa Melayu yang diselangsungkan dengan bahasa asing seperti bahasa Inggeris sekali gus boleh menjadikan struktur ayat tunggang-langgang.

Penggunaan bahasa berkenaan juga lebih sinonim kepada generasi muda yang dikaitkan dengan sikap 'tidak kisah' dengan apa yang melanda institusi bahasa negara.

Mengulas mengapa bahasa rojak pantas berkembang dan menjadi pilihan, beliau berkata penggunaan yang ringkas, mudah serta senang difahami menjadikan ia dekat dengan pelbagai lapisan masyarakat.



**MARI CUBA...**cubalah berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu yang betul ketika berkomunikasi antara satu sama lain. - Gambar hiasan

Malah, akuinya, bahasa ini tidak mengenal usia, latar belakang serta status penutur menyebabkan masyarakat mudah menerimanya.

"Lazimnya, masyarakat memang mudah tertarik dengan sesuatu yang mudah kerana hari ini semuanya perlu serba pantas tidak terkecuali bahasa.

"Penggunaannya tidak salah dan isu bahasa rojak pun bukanlah isu yang perlu diperbesar. Cuma penggunaan tidak terkawal terutama di kalangan pelajar sekolah boleh memberi impak negatif dalam peperiksaan.

"Bayangkan jika mereka menulis karangan menggunakan bahasa rojak. Bukan guru saja pening malah memberi kesan terhadap pemberian markah sedangkan bahasa Melayu adalah subjek wajib lulus," katanya.

Beliau tidak menyekat jika bahasa rojak digunakan dalam pertuturan seharian biarpun boleh memberi kesan jangka panjang.

"Ia mungkin menyakitkan telinga segelintir orang namun kesannya tidaklah mendalam berbanding penggunaannya dalam penulisan peperiksaan. Fokus utama ialah golongan pelajar.

"Ini yang perlu diteliti dan diambil tindakan kerana saling berkait rapat dengan kepentingan sistem pemarkahan peperiksaan. Bahasa rojak tidak diterima.

"Ini satu kerugian sedangkan mereka boleh memperoleh markah yang baik dengan penggunaan bahasa teratur. Inilah bahayanya bahasa rojak jika tindakan proaktif tidak diambil," katanya.

Akuinya, bahasa rojak juga sudah dinilai



**DR ADI YASRAN...**identiti bangsa.

standard sebagai bahasa Melayu campur sedangkan kerana bahasa lain tidak menghadapi masalah serupa.


Menurutnya, bahasa Melayu senang dimanipulasi berbanding bahasa lain kerana penggunaan bahasa itu dipenuhi pelbagai perkataan dan kota kata indah serta puitis.

"Biarpun bahasa Inggeris bahasa antarabangsa, ia jarang dimanipulasi kerana struktur ayatnya kukuh. Umumnya, bahasa Inggeris juga ringkas dan terus pada maksud.

"Berbanding bahasa Melayu, walaupun mempunyai struktur kukuh namun penggunaan perkataannya sangat luas, panjang, indah, berbunga dan melankolik.

"Menyebabkan mereka yang kurang sabar bertindak mencari perkataan paling mudah untuk mengungkapkannya seperti 'sayangkan u' berbanding 'sayangkan awak'," katanya.

Perkembangan pantas teknologi juga pada masa sama memberi kesan terhadap penggunaan



**RINGKAS...**biarpun tidak dilarang, penggunaan perkataan yang bercampur-baur boleh mencatatkan nilai bahasa. - Gambar hiasan

bahasa rojak.

"Penggunaan bahasa rojak dulu hanya terbatas melalui pertuturan namun kini sudah biasa digunakan dalam komunikasi maya menyebabkan ia semakin merebak tanpa kekangan.

"Pada masa sama, mereka yang mempertahankan penggunaan bahasa juga mungkin sudah 'penat' dan gagal bersaing dengan tempias teknologi menyebabkan bahasa rojak semakin mendominasi.

"Sekali gus mencatatkan usaha dilakukan bagi memartabatkan penggunaan bahasa Melayu standard yang menjadi kebanggaan generasi dulu," katanya.

Tidak menolak juga kemungkinan bahasa rojak adalah pengaruh rakan, beliau berkata, perlu disuntik kesedaran untuk mendaulat dan menggunakan bahasa yang betul.

"Sekurang-kurangnya, ia boleh membantu memperoleh markah yang baik dalam peperiksaan. Ini bukan soal tidak ada gaya atau sebagainya, sebaliknya kualiti dan standard yang sudah ditetapkan."

"Justeru, perlu wujudkan satu kesedaran di kalangan generasi muda supaya tidak terlalu mengagungkan bahasa rojak yang bercampur baur antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris," katanya.

Antara mekanisme boleh dilakukan ialah dengan mengadakan bengkel deklamasi sajak, penulisan pantun, karangan, cerita pendek dan sebagainya bermula di peringkat sekolah rendah.

"Walaupun usaha ini terpaksa bersaing dengan teknologi, sekurang-kurangnya kepekaan asas terhadap penggunaan bahasa yang betul sudah ada dan boleh diasah serta dipraktikkan.

"Langkah awal perlu disusun supaya mereka tahu menyusun rentak penggunaan antara bahasa rojak dan keperluan bahasa standard.

"Sekali gus menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mempertahankan penggunaan bahasa yang betul sekali gus tidak terabura mencari nilai identiti diri dan bangsa," katanya.

# Jasa ibu, guru tiada bandingan



>>Oleh Ghazali Din

rencana@hmetro.com.my

**T**ANGGAL 13 dan 16 Mei setiap tahun, dua tarikh bersejarah bagi ibu dan guru yang disambut dengan penuh bermakna.

Setiap 13 Mei kita menyambut Hari Ibu, insan mulia yang sanggup berkorban apa saja hatta nyawa untuk anaknya manakala 16 Mei, dedikasi kepada golongan pendidik yang mengajar kita ilmu hingga berjaya menjadi manusia.

Pengorbanan dan jasa kedua-dua insan ini ternyata tiada tolok bandingnya.

Jasa ibu tidak mampu dibalas kerana tanpanya, kita tidak akan mampu melihat warna-warni kehidupan dunia hari ini.

Ibu tanpa penat dan lelah mengasuh setiap anaknya untuk menjadi yang terbaik, mampu berbakti kepada tuhan, negara dan kepadanya apabila dia tua kelak.

Sesungguhnya, sangat bertuah mereka yang masih mempunyai ibu yang menjadi sumber kekuatan, inspirasi dan motivasi mengharungi kehidupan.

Manakala guru pula begitu sinonim dengan analogi seperti lilin membakar diri demi memberi ilmu kepada pelajarannya sekali gus membimbing ke arah pembentukan masa depan cemerlang.

Penyair tersohor tanah air, Usman Awang mengungkapkan betapa walau apapun jawatan dipegang seseorang itu, ia bermula daripada jasa guru.

Dalam sajaknya Guru Oh Guru, Usman menyatakan:

*Jika hari ini seorang  
Perdana Menteri berkuasa  
Jika hari ini seorang raja  
menaiki takhta  
Jika hari ini seorang presiden  
sebuah negara  
Jika hari ini seorang ulama  
yang mulia  
Jika hari ini seorang peguam  
menang bicara  
Jika hari ini seorang penulis  
terkemuka  
Jika hari ini siapa saja  
menjadi dewasa  
Sejarahnya dimulakan oleh  
seorang guru biasa*

Dengan lembut sabarnya mengajar tulis baca.

Namun sayang tidak semua jasa guru diingati apabila

kita sudah terlalu jauh meninggalkan alam persekolahan mahupun sudah berjaya.

Bagaimanapun, masih belum terlambat bagi kita khususnya pelajar agar tidak meniatkan amanah menuntut ilmu seperti mana diharapkan. Guru tidak pernah berpesan kepada kita untuk menjadi insan yang menghuru-harakan negara.

Malah ibu juga sentiasa mengharap dan mendoakan anaknya agar matang berfikir dan bersungguh-sungguh menuntut ilmu di puncak tertinggi.

Bagaimanapun, di tengah keriuhan semua pihak menyambut hari istimewa dua insan penting ini, mereka bagaikan terlupa untuk mengucapkan terima kasih kepada warga pensyarah.

Mereka juga sebenarnya berperanan sebagai seorang guru malah kerana tahap keilmuannya, pensyarah adalah insan paling cocok untuk memperoleh ilmu tertinggi.

Lihatlah juga betapa pensyarah turut banyak berkorban untuk membina peradaban bangsa hingga melahirkan generasi intelektual dan pemikir, teknokrat dan tokoh korporat terkenal.

Hasil keringat pensyarah juga menjadikan mereka golongan yang berhempas pulas mencurahkan ilmu, bergelut dengan tanggungjawab mengajar, menulis buku, membuat penyelidikan, berceramah, terbabit dalam khidmat masyarakat dan sebagainya.

Pokoknya, jasa pensyarah juga tidak terhitung dalam memastikan tuntutan ilmu juga keperluan pelajar dalam mewarnai perjalanan pembangunan negara tercapai.

Justeru, marilah kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada insan-insan istimewa yang sekelumit pun tidak pernah berasa jemu menabur budi.

Kita hargai apa yang sudah diberikan dengan membalasnya dengan kegembiraan dan kejayaan.

Sesungguhnya, tanpa ibu dan guru, kita tidak akan menjadi sesiapa.

■ Penulis pensyarah di **Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), Tanjung Malim, Perak.**

■ Warga kampus yang mempunyai pandangan mengenai pelbagai isu semasa boleh menghantarnya ke ruangan ini dan e-mel kepada [ruhaizarusmin@hmetro.com.my](mailto:ruhaizarusmin@hmetro.com.my)